

# Lanjutkan pengajian anda di UMS

UB 29.03.2022 P.06

**KOTA KINABALU:** Lepas sekolah menengah di negeri ini digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ahli Parlimen Kota Belud, Isnaraissah Munirah Majilis, berkata demikian ketika muat naik hantaran di facebook rasminya, kelmarin.

Beliau merupakan antara 697 graduan UMS yang diraikan pada hari pertama Majlis Konvokesyen UMS ke-22 pada Sabtu.

Katanya, keputusan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Minyak dan Gas) UMS pada pertengahan tahun 2016 merupakan pilihannya untuk mencuba sesuatu yang baharu.

“Pengajian saya bermula sekitar Jun/Julai 2016. Pada ketika itu, saya katakan pada

diri untuk mencuba sesuatu yang berbeza. Mana tahu dapat tukar bidang pergi minyak dan gas,” katanya.

Menurut Munirah, Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Minyak dan Gas) di UMS mempunyai tiga semester.

“Semester pertama dan kedua perlu hadir ke kelas dan menduduki peperiksaan. Manakala peperiksaan akhir perlu buat praktikal dan kajian makmal,” jelasnya.

Beliau turut berkongsi cabaran yang dihadapi terutama semasa mula terlibat dalam bidang politik.

“Bermula pada semester kedua, saya sudah berkecimpung dalam politik dan menamatkan Ijazah Sarjanah.

“Alhamdulillah semuanya selesai pada akhir 2019, patut konvo 2020 tapi disebabkan Pendmik COVID-19, saya pasti ada hikmahnya,” ka-

tanya.

Beliau turut berkongsi pengalaman manis sepanjang pengajian di universiti Kampus Rahmah itu.

“Saya juga berterima kasih kepada Profesor Madya Dr. Jidon Adrian Janaun, Dr. Anissuzaman, Profesor Dr. Ravindra Pogaku, Dr. Sariah Saalah, Dr. Mizanur Rahman, Mr Chung dan semua yang saya telah menyumbang kepada apa yang saya terima hari ini.

“Terima kasih juga kepada mama, bapa, adik beradik serta keluarga saya dan seluruh rakan-rakan atas sokongan dan doa,” katanya.

Untuk rekod, Majlis Konvokesyen UMS ke-22 berlangsung selama enam hari bermula 26-31 Mac 2022 dengan menyaksikan seramai 4,728 graduan diraikan di pentas Dewan Canselor.